

DATE: 20/5/2010

Najib saran wujud model ekonomi baru untuk umat Islam

BH - 20/05/2010

KUALA LUMPUR: Malaysia semalam mencadangkan semua negara Islam bekerjasama membangunkan model ekonomi baru bagi memenuhi keperluan ekonomi negara Islam di seluruh dunia.

Datuk Seri Najib Razak yang membuat cadangan itu berkata, model berkenaan harus diperkukuhkan dengan kerangka kerja yang bukan saja inklusif dan progresif, malah praktikal, memabitkan formula dasar dan pelaksanaannya.

"Sejajar dengan tema Forum Ekonomi Islam Dunia (WIEF) keenam ini, 'Gearing for Economic Resurgence', saya mencadangkan kita merancang satu ekosistem yang menyeluruh.

"Kita perlu memikirkan perkara baru dan keluar daripada kerangka kerja konvensional. Untuk mencapainya, kita memerlukan satu model ekonomi baru khusus bagi memenuhi keperluan negara Islam," kata Perdana Menteri pada ucap-tama perasmian forum itu di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah; Presiden Senegal, Abdoulaye Wade; Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono; Presiden Kosovo, Dr Fatmir Sejdiu; Presiden Maldives, Mohamed Nasheed; Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina Wazed; Naib Presiden Pertama Iran, Mohammad Reza Rahimi dan Pengerusi Yayasan WIEF, Tun Musa Hitam.

Najib yang juga penaung Yayasan WIEF turut mencadangkan supaya negara Islam menimbang menganjurkan Sidang Kemuncak Ekonomi OIC dengan usaha sama Perisidangan Kemuncak Islam.

"Menerusinya, kita dapat memberi tumpuan isu ekonomi utama, menyegerakan keputusan dan tindakan. Sidang kemuncak itu akan memberi nafas baru dan bermakna kepada OIC," katanya.

Menyentuh mengenai kewangan Islam, Najib berkata, negara Islam harus berubah

daripada menganggapnya sebagai perbankan khusus, kepada sistem perbankan diterima secara meluas di seluruh dunia.

Katanya, kewangan Islam boleh memberi perkhidmatan kepada semua golongan, daripada usahawan kecil menerusi pembiayaan mikro hingga perbadanan besar menerusi instrumen canggih pasaran modal Islam.

"Di Malaysia, kami mengambil masa 30 tahun membangunkan kewangan Islam dan sedia bersedia berkongsi pengalaman dan kepakaran bagi merangsang pembangunan kewangan Islam di peringkat dunia," katanya.

Dalam pada itu, Najib mencadangkan penubuhan Bank Pembangunan Tenaga Bersih bagi memacu pembangunan industri berkaitan tenaga bersih untuk manfaat negara sedang membangun OIC dengan Malaysia sedia menerajui inisiatif berkenaan.

Selain itu, Najib berkata negara anggota OIC juga perlu bekerjasama bagi merumuskan dasar untuk melaksanakan program tenaga diperbaharui seperti biofuel, pembangunan sumber, terutama dalam aspek pendidikan dan latihan.

"Tidak ada mana-mana negara Islam yang boleh menjadi pemimpin dalam bidang tertentu, sekiranya ia tidak membuat pelaburan sewajarnya dalam pendidikan," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan penubuhan Dana Pembangunan Khusus bagi membangunkan infrastruktur pendidikan dan menyokong latihan perguruan serta penyelidikan akademik.

"Dengan struktur, pengurusan dan penggunaan teratur, dana itu dapat mengurangkan jurang pendidikan antara negara Islam dan bukan Islam.

"Oleh kerana pelbagai isu dihadapi dunia Islam lebih mendesak, negara anggota tidak boleh hanya menjadi pemerhati, sebaliknya perlu mengorak langkah revolusi melakukan transformasi hebat buat negara anggota," katanya.